

21 APR 1998

MASYARAKAT PERNIAGAAN MESTI SINGKIR PEMIKIRAN NEGATIF, KATA PM

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan masyarakat perniagaan Malaysia harus mengadakan konsep dan melahirkan idea bagi wawasan jelas di mana ia mahu pergi dan menyingkirkan pemikiran negatif untuk memperkenalkan pemulihan ekonomi negara.

"Sama ada bergantung kepada kerajaan atau menyalahkan kerajaan bagi menyampaikannya ia mestilah menjadi landasan untuk mencapai kejayaan," katanya ketika melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British di sini hari ini.

Dengan menyebut bahawa Malaysia dan Asean telah melaksanakan Wawasan 2020 manakala Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) telah membentuk kumpulan wawasan bagi memajukan wawasan perkongsian bagi Asia dan Eropah, beliau berkata mempunyai wawasan yang jelas adalah penting kerana ia menyediakan "peta arah" bagi masa depan.

"Sayangnya dalam dunia perniagaan, hanya beberapa ketua perniagaan atau syarikat yang mempunyai wawasan di mana mereka mahu berada dalam tempoh 10 atau 20 tahun lagi.

"Pemikiran negatif jangka pendek tidak akan membantu kita keluar daripada keadaan sukar ketika ini," katanya.

Bagi mencapai kejayaan, Malaysia memerlukan perkongsian bijak daripada kerajaan, perniagaan, kakitangan dan "rakan asing", bekerjasama untuk membawa negara mencapai kejayaan baru, kata Dr Mahathir.

"Dengan kerjasama erat, wawasan jelas dan strategi pro-aktif, kita boleh muncul semula menjadi kuasa ekonomi serantau," katanya. "Ia mungkin sukar, ia akan mengambil masa tetapi kita pasti akan berjaya akhirnya."

Perdana Menteri juga memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa mereka akan memperolehi suasana perniagaan yang mesra di Malaysia kerana kerajaan mengiktiraf bahawa ia tidak boleh memajukan Malaysia bersendirian.

"Walaupun kita memperkenalkan pergantungan sendiri, kita juga tahu dalam pergantungan dalaman, dunia yang berhubungan secara global, kita perlu bekerjasama dengan rakan-rakan asing untuk memajukan negara ini," katanya.

Dengan penyusutan ringgit dan pergolakan mata wang yang mula agak stabil, Perdana Menteri berkata kini adalah masa yang sesuai untuk melabur di Malaysia.

Dr Mahathir percaya selain menggalakkan pelaburan dua hala, majlis perniagaan juga boleh memainkan peranan berguna dalam memudahkan perkongsian perniagaan dan usaha sama di negara ketiga.

"Dengan menjadi sebagai galang Asia, Malaysia adalah tempat terbaik bagi pelabur asing untuk memasuki pasaran Asia yang mempunyai penduduk seramai 500 juta orang serta pasaran China, India dan pasaran Asia barat berdasarkan kepada sejarah, budaya dan hubungan agama kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau digalakkan oleh matlamat Majlis Perniagaan Malaysia-British memajukan peluang bagi syarikat kecil dan sederhana yang juga sejajar dengan matlamat mesyuarat Asia-Eropah (ASEM). --
BERNAMA

AD DVS/MR ZK OS